



فرسكوتوان كيشاعن برباسيكل مليسيا
**PERSEKUTUAN KEBANGSAAN
BERBASIKAL MALAYSIA**

MALAYSIAN NATIONAL CYCLING FEDERATION

No. Pendaftaran: 0002/98



No. 3-24, Jalan PM 9, Plaza Mahkota, 75000 Melaka, Malaysia Tel: +606-2830150 Fax +606-2836786
E-mail: mncf@po.jaring.my Internet homepage: <http://mncf.org.my/mncf>

Ruj. Kami : PKBM/01-01/2012 (69)
Tarikh : 05hb Disember 2012

**SEMUA KOMISAR KEBANGSAAN
PERSEKUTUAN KEBANGSAAN BERBASIKAL MALAYSIA.**

Tuan/ Puan,

KEPUTUSAN MESYUARAT EXCO PKBM BIL 4/2012

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Exco PKBM pada 15hb Nov. 2012 yang lalu di mana telah bersetuju meluluskan perkara- perkara berikut:-

- a. Penguatkuasaan penggunaan Penalti/ Denda mengikut peraturan UCI akan digunakan bagi setiap kejoahan berbasikal di Malaysia dan tidak termasuk kejoahan yang didaftarkan dengan UCI mulai tahun 2013. Penalti/ Denda adalah mengikut kadar Ringgit Malaysia dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia oleh Jawatankuasa Teknikal & Kejoahan PKBM.
- b. Penetapan kadar bayaran tetap bertugas komisar kebangsaan di dalam kejoahan di Malaysia seperti berikut:-

Kategori Kejoahan	Bayaran Komisar Kebangsaan
Hoss Class	RM150/ hari
Status 2.2	RM100/ hari
Status 1.2	RM100/hari
Kej. Kebangsaan/ Sportexcel/ Tempatan	RM70/hari
Kelayakan tambang perjalanan ke tempat penginapan/ venue kejoahan	Teksi @ bas sahaja

- c. Beberapa garis panduan bagi komisar telah ditetapkan seperti berikut:-
- i. Komisar yang didapati bertugas di dalam kejohanan yang tidak didaftarkan/ dimaklumkan kepada PKBM samada di Malaysia atau luar negara tanpa mendapat kelulusan atau kebenaran daripada PKBM akan dikenakan tindakan disiplin.
 - ii. Komisar yang diminta bertugas tetapi tidak hadir tanpa memberikan notis pemberitahuan secara bertulis secara automatic akan digugurkan untuk bertugas bagi kejohanan seterusnya dan akan dipanjang ke Jawatankuasa Displin untuk tindakan selanjutnya.
 - iii. Komisar perlu memakai pakaian seragam rasmi yang dikeluarkan oleh PKBM dan dilarang untuk memakai pakaian lain yang dibuat sendiri dan sebagainya.

Peraturan dan garis panduan ini akan mula digunapakai mulai tahun 2013 dan diharap pihak tuan/ puan mengambil maklum perkara ini dan tidak melanggar peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan agar kejohanan yang diadakan pada masa hadapan dapat berjalan dengan lancar sepertimana yang dikehendaki mengikut UCI.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



HAJI IBRAHIM B. MUSTAPA
Setiausaha Kehormat

s.k Presiden
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia

Semua Exco
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal & Kejohanan
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia

Semua Persatuan Berbasikal/ Lumba Basikal Negeri- negeri

- Mohon kerjasama agar dapat memaklumkan komisar di negeri masing- masing